

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sebutan konsonan initial dalam variasi *Huayu* tempatan yang dituturkan oleh penutur di Kuching, Sarawak. Untuk mencapai tujuan ini, penyelidik telah menjalankan dua ujian bacaan. Berdasarkan data-data yang dipungut dari kedua-dua ujian itu, satu sesi temubual diadakan untuk mengesan faktor-faktor wujudnya variasi *Huayu* tempatan tersebut. Selain itu, soal selidik juga diedarkan untuk meneliti latar belakang dan tahap penguasaan *Huayu* subjek kajian.

3.1 Latar Subjek

Dalam kajian ini, subjek yang dipilih terdiri daripada lima orang dewasa kaum Cina yang bermastautin di Bandaraya Kuching sejak lahir. Umur subjek kajian adalah dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun. Subjek kajian terdiri daripada 2 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Kesemua daripada mereka telah berkahwin.

Dari segi kelayakan akademik, 3 daripada subjek kajian mempunyai kelulusan diploma atau universiti dan 2 daripada mereka mempunyai kelulusan STPM. Dari segi pekerjaan, seorang daripada mereka adalah jurutera, seorang penganalisa program komputer, seorang guru, seorang agen insuran dan seorang setiausaha.

BAB 3 METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 Pengenalan

Kajian ini bertujuan untuk meneliti sebutan konsonan initial dalam variasi *Huayu* tempatan yang dituturkan oleh penutur di Kuching, Sarawak. Untuk mencapai tujuan ini, penyelidik telah menjalankan dua ujian bacaan. Berdasarkan data-data yang dipungut dari kedua-dua ujian itu, satu sesi temubual diadakan untuk mengesan faktor-faktor wujudnya variasi *Huayu* tempatan tersebut. Selain itu, soal selidik juga diedarkan untuk meneliti latar belakang dan tahap penguasaan *Huayu* subjek kajian.

3.1 Latar Subjek

Dalam kajian ini, subjek yang dipilih terdiri daripada lima orang dewasa kaum Cina yang bermastautin di Bandaraya Kuching sejak lahir. Umur subjek kajian adalah dalam lingkungan 30 hingga 39 tahun. Subjek kajian terdiri daripada 2 orang lelaki dan 3 orang perempuan. Kesemua daripada mereka telah berkahwin.

Dari segi kelayakan akademik, 3 daripada subjek kajian mempunyai kelulusan diploma atau universiti dan 2 daripada mereka mempunyai kelulusan STPM. Dari segi pekerjaan, seorang daripada mereka adalah jurutera, seorang penganalisa program komputer, seorang guru, seorang agen insuran dan seorang setiausaha.

Dari segi penguasaan *Huayu*, kesemua subjek adalah bekas pelajar sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Selepas itu, mereka melanjutkan pelajaran di sekolah menengah kebangsaan yang menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Kesemua subjek mempunyai kelulusan kertas bahasa Cina SPM dengan kepujian.

Mereka adalah berasal dari keturunan dialek yang berbeza iaitu Hokkien, Teochew, Hakka dan Hainan. Bahasa ibunda mereka adalah dialek masing-masing. *Huayu* merupakan bahasa kedua yang dipelajari di sekolah. Kesemua subjek mempunyai repertoire bahasa yang luas, selain daripada dialek masing-masing, mereka juga dapat menguasai bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan dialek-dialek Cina yang lain.

Semua subjek bertutur dalam dialek di rumah, *Huayu* pula merupakan bahasa kedua atau ketiga yang dituturkan di rumah. Bahasa yang paling kerap digunakan di pejabat adalah *Huayu* dan Hokkien. Selain itu, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu turut digunakan di pejabat. *Huayu* dan Hokkien juga merupakan bahasa yang paling kerap digunakan di luar pejabat. Bahasa Inggeris dan Hakka pula adalah bahasa ketiga yang digunakan di luar pejabat. Taburan penggunaan bahasa mengikut pelbagai situasi di kalangan subjek dapat dilihat melalui Jadual 3.0.

Jadual 3.0 : Penggunaan Bahasa Mengikut Pelbagai Situasi

Situasi Jenis Bahasa	DI RUMAH			DI PEJABAT			DI LUAR PEJABAT		
	Bahasa Utama	Bahasa Kedua	Bahasa Ketiga	Bahasa Utama	Bahasa Kedua	Bahasa Ketiga	Bahasa Utama	Bahasa Kedua	Bahasa Ketiga
Huayu	—	20%	80%	40%	20%	20%	40%	60%	—
Bahasa Inggeris	—	—	—	20%	—	80%	—	—	80%
Bahasa Melayu	—	—	—	—	20%	—	—	—	—
Hokkien	60%	20%	20%	40%	60%	—	60%	40%	—
Teochew	—	40%	—	—	—	—	—	—	—
Hainan	—	20%	—	—	—	—	—	—	—
Hakka	40%	—	—	—	—	—	—	—	20%

Subjek-subjek kajian dipilih oleh penyelidik disebabkan mereka merupakan suatu kumpulan yang mempunyai tahap penguasaan *Huayu* yang tinggi. Kesemua mereka bukan sahaja menggunakan *Huayu* sebagai bahasa utama dalam kehidupan harian, tetapi juga memilih *Huayu* sebagai bahasa ibunda untuk diajarkan kepada anak-anak mereka.

Selain itu, mereka juga tahu serba sedikit kedua-dua sistem fonologi tradisional dan moden, iaitu *Zhuyin Zimu* atau *Zhuyin Fuhao* dan *Hanyu Pinyin*. Dengan itu, penyelidik dapat meneliti sama ada kedua-dua sistem fonologi tersebut telah membantu penutur

Huayu dalam memperbaiki sebutan mereka. Subjek kajian juga memahami sistem tulisan Cina moden yang telah dipermudahkan, iaitu *Jiantizi*. Kemahiran tersebut membolehkan mereka menjalankan ujian bacaan yang disediakan oleh penyelidik.

Kesemua subjek kajian berpendapat *Huayu* yang ditutur oleh mereka adalah berbeza dengan *Huayu* Standard. Menurut data-data yang dipungut dari soal-selidik, penyelidik mendapati pendedahan subjek kajian kepada *Huayu* Standard adalah kurang. Jadual 3.1 menunjukkan kekerapan subjek kajian mendengar atau menonton saluran media yang disiarkan atau ditayangkan dalam *Huayu* Standard.

Jadual 3.1 : Pendedahan Kepada *Huayu* Standard

Saluran Kekerapan	Radio	Televisyen	Wayang Gambar
Setiap masa	—	—	—
Selalu	—	—	—
Kadang-kadang	60%	20%	—
Jarang	40%	80%	100%
Tidak pernah	—	—	—

3.2 Instrumen Kajian

Empat jenis alatan telah digunakan untuk menjalankan kajian ini:

- (a) soal selidik,
- (b) ujian bacaan,
- (c) kamus dan
- (d) temubual.

3.2.1 Soal Selidik

Soal selidik dirangka untuk mendapat maklumat latar dan tahap penguasaan *Huayu* subjek. Bahagian A soal selidik ini adalah mengenai latar subjek. Bahagian B ialah mengenai tahap penguasaan *Huayu* subjek.

(A) Latar subjek termasuklah perkara-perkara berikut:-

- (i) umur dan jantina
- (ii) status perkahwinan
- (iii) tempat lahir
- (iv) tempoh bermastautin di kawasan kajian

- (vi) kelulusan akademik
- (vii) kelulusan akademik bahasa Cina
- (viii) gred bahasa Cina dalam SPM
- (ix) bahasa pengantar pada masa persekolahan
- (x) bahasa ibunda
- (xi) bahasa pertuturan di rumah
- (xii) bahasa pertuturan di pejabat
- (xiii) bahasa pertuturan dengan rakan-rakan di luar pejabat

(B) Tahap penguasaan *Huayu* termasuk perkara-perkara berikut:-

- (i) sistem fonologi *Huayu* yang dipelajari pada zaman persekolahan
- (ii) pengetahuan *Hanyu Pinyin*
- (iii) saluran untuk mendengar *Huayu Standard*
- (iv) kekerapan mendengar atau menonton rancangan dalam *Huayu Standard*
- (v) pendapat tentang *Huayu Standard*

- (vi) pengetahuan dalam tulisan *Jianti*.

3.2.2 Ujian Bacaan

Ujian ini bertujuan untuk meneliti sebutan konsonan initial subjek kajian. Penyelidik telah menjalankan dua ujian bacaan. Bahagian A terdiri daripada 291 suku kata dalam satu teks lanjutan, Bahagian B pula terbatas kepada 500 suku kata bahasa Cina yang dipetik dari kamus.

Kesemua suku kata tersebut adalah dipetik dari kamus yang berjudul *Xiandai Hanyu Cidian* (suntingan *Zhongguo Shehui Kexueyuan Yuyan Yanjiusuo*, 1996). Suku kata yang dipetik merupakan suku kata yang kerap digunakan.

Bahagian A merupakan teks lanjutan yang merangkumi kesemua 24 konsonan initial dalam *Huayu Standard*. Subjek kajian membaca teks berkenaan dan penyelidik merakamkan bunyi-bunyi ujaran tersebut untuk dianalisa. Daripada data-data yang dipungut, penyelidik cuba merangka satu lagi ujian bacaan dalam bentuk suku kata berasingan. Bahagian B hanya merangkumi 14 konsonan initial *Huayu Standard*. Penyelidik sekali lagi merakamkan bunyi-bunyi ujaran subjek kajian. Taburan konsonan initial dalam ujian bacaan ditunjukkan dalam jadual-jadual berikut:-

Jadual 3.2 : Konsonan Initial Dalam Bahagian A

KONSONAN INITIAL (IPA)	BILANGAN
[p]	11
[p ^b]	5
[m]	12
[f]	8
[t]	34
[t ^b]	8
[n]	5
[l]	16
[tɸ]	21
[tɸ ^b]	1
[ɸ]	6
[ts]	10
[ts ^b]	1
[s]	1
[k]	23
[k ^b]	8
[x]	15
[tʂ]	10
[tʂ ^b]	6
[ʂ]	22
[ɿ]	21
Jumlah	234

Jadual 3.3 : Konsonan Initial Separuh Vokal Dalam Bahagian A

KONSONAN INITIAL SEPARUH VOKAL (IPA)	BILANGAN
[w]	26
[j]	22
[ɥ]	9
Jumlah	57

Jadual 3.4 : Konsonan Initial Dalam Bahagian B

KONSONAN INITIAL (IPA)	BILANGAN
[p]	21
[p ^b]	21
[f]	7
[ɸ ^b]	12
[ɸ]	17
[ts]	45
[ts ^b]	50
[s]	36
[x]	11
[tʂ]	90
[tʂ ^b]	69
[ʂ]	79
[ɿ]	34
Jumlah	492

Jadual 3.5 : Konsonan Initial Separuh Vokal Dalam Bahagian B

KONSONAN INITIAL SEPARUH VOKAL (IPA)	BILANGAN
[ㄔ]	8

3.2.3 Kamus

Kamus yang digunakan dalam kajian ini berjudul *Xiandai Hanyu Cidian* (suntingan *Zhongguo Shehui Kexueyuan Yuyan Yanjiusuo*, 1996). Kamus ini mengandungi lebih kurang 9,000 suku kata. Penyelidik hanya memilih suku kata yang mempunyai konsonan initial untuk diujar oleh subjek kajian. Suku kata yang tidak mempunyai konsonan initial tidak dipetik oleh penyelidik.

Bilangan suku kata yang mempunyai konsonan initial dalam *Xiandai Hanyu Cidian* seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.6 dan Jadual 3.7. Susunan konsonan initial adalah mengikut huruf abjad dalam *Hanyu Pinyin*.

Jadual 3.6 : Konsonan Initial Dalam *Xiandai Hanyu Cidian*

Konsonan Initial		Bilangan
Hanyu Pinyin	IPA	
b	[p]	183
c	[ts ^b]	203
ch	[tʂ ^b]	435
d	[t]	471
f	[f]	284
g	[k]	446
h	[x]	449
j	[tɸ]	745
k	[k ^b]	277
l	[l]	671
m	[m]	387
n	[n]	209
p	[p ^b]	311
q	[tɸ ^b]	429
r	[ɿ]	126
s	[s]	228
sh	[ʂ]	401
t	[t ^b]	213
x	[ç]	588
z	[ts]	234
zh	[tʂ]	553
Jumlah		7843

Jadual 3.7 : Konsonan Initial Separuh Vokal Dalam *Xiandai Hanyu Cidian*

Konsonan Initial Separuh Vokal		Bilangan
Hanyu Pinyin	IPA	
w	[w]	286
y	[j]	606
y	[ɥ]	243
Jumlah		1135

3.2.4 Temubual

Setelah menjalankan ujian bacaan Bahagian B, subjek kajian ditemubual untuk mendapat pandangan mereka terhadap *Huayu* yang dituturkan oleh mereka. Subjek kajian dimaklumkan bahawa kandungan temubual ini akan dijadikan data untuk disertasi penyelidik. Daripada sesi temubual ini, penyelidik cuba merumuskan pandangan subjek kajian seperti yang ditunjukkan di bawah:-

- (a) Subjek kajian sedar bahawa *Huayu* yang ditutur oleh mereka adalah berbeza dengan *Huayu Standard*.
- (b) Sistem fonetik tradisional iaitu *Zhuyin Zimu* atau *Zhuyin Fuhao* tidak banyak membantu dalam memperbaiki sebutan *Huayu* mereka. Ini adalah disebabkan subjek kajian mempelajari sistem fonetik tersebut pada peringkat sekolah rendah dan mereka telah lupa akan simbol-simbol bunyi yang dipelajari. Tambahan pula, simbol-simbol bunyi tersebut sukar diingati.

- (c) Kesemua subjek kajian tidak mempelajari *Hanyu Pinyin* di sekolah. Namun demikian, mereka tahu serba sedikit sistem fonetik baru ini. Pada pendapat subjek kajian, *Hanyu Pinyin* lebih mudah dipelajari dan diingati jika dibandingkan dengan *Zhuyin Fuhao*. Sungguhpun demikian, subjek kajian berpendapat sistem fonetik baru ini juga tidak banyak membantu dalam memperbaiki sebutan *Huayu* mereka. Tanpa tunjuk ajar guru-guru bahasa, mereka tidak pasti daerah artikulasi sesetengah suku kata.
- (d) Dalam pertuturan harian subjek kajian, tidak menggunakan sebutan konsonan initial retrofleks [tʂ], [tʂ^h] dan [ʂ]. Walaupun sebanyak 34.89% suku kata dalam ujian bacaan mempunyai konsonan initial retrofleks [tʂ tʂ^h ʂ], tetapi subjek kajian menganggap suku kata tersebut masing-masing terbina daripada konsonan initial alveolar [ts ts^h s]. Subjek kajian menganggap konsonan initial retrofleks [tʂ], [tʂ^h] dan [ʂ] sebagai satu keistimewaan sebutan *Putonghua* yang dituturkan oleh penduduk Beijing. Sebutan tersebut dianggap pelik jika ia dituturkan oleh orang-orang Cina tempatan.
- (e) Berkenaan kewujudan variasi *Huayu* tempatan ini, subjek kajian berpendapat inilah bahasa yang dituturkan dalam masyarakat mereka, ia tidak dianggap pelik oleh sesiapapun. Mereka mempelajari variasi tersebut di sekolah dan di rumah. Mereka juga akan turut mengajar variasi ini kepada anak-anak mereka. Namun demikian, subjek kajian berpendapat *Huayu* yang dituturkan oleh anak-anak mereka kelak akan menjadi lebih standard jika dibandingkan dengan generasi

mereka. Ini adalah disebabkan kini sekolah-sekolah aliran Cina amat menekankan sebutan *Huayu* Standard. Pelajar-pelajar sekolah rendah aliran Cina mulai mempelajari sistem fonetik *Hanyu Pinyin* sebaik sahaja mereka memasuki Darjah 2. *Hanyu Pinyin* dipercayai dapat memperbaiki sebutan pelajar-pelajar tersebut.

- (f) Subjek kajian mengaku bahawa pendedahan mereka kepada bahasa Mandarin Standard adalah kurang. Tambahan pula, variasi *Huayu* yang dituturkan oleh mereka tidak mendatangkan sebarang masalah dalam komunikasi harian. Oleh itu, tiada motivasi bagi subjek kajian mengubah corak penyebutan mereka.
- (g) Subjek kajian tidak mempunyai sebarang masalah dalam menyebut konsonan initial aspirasi [p^h], [t^h] dan [k^h].

3.3 Prosedur Kajian

Penyelidik telah tiba di Kuching, Sarawak pada 27 Mac 2001. Selepas itu, penyelidik cuba memilih subjek kajian di kalangan mereka yang berkenalan dengan penyelidik. Kemudian penyelidik meminta persetujuan daripada mereka yang terpilih untuk menjalankan ujian bacaan dan temubual.

Pada 1 April 2001, subjek kajian diminta mengisi soal-selidik yang disediakan oleh penyelidik. Subjek kajian telah diminta menjalankan ujian bacaan Bahagian A pada

7 April 2001. Sebelum ujian ini bermula, subjek kajian diberi masa untuk membaca teks berkenaan. Setiap subjek kajian mengambil masa lebih kurang 10 minit untuk mengujar teks tersebut. Penyelidik cuba merakamkan bunyi-bunyi sebutan subjek kajian dalam suasana yang tenang tanpa sebarang gangguan dari persekitaran.

Selanjutnya, penyelidik cuba mentranskripkan bunyi-bunyi sebutan tersebut dalam IPA. Transkripsi bagi satu suku kata merangkumi konsonan initial, vokal, konsonan akhiran dan nada. Misalnya, bunyi untuk suku kata 万 (puluhan ribu) ditranskripkan sebagai [wan⁵¹]. Penyelidik menganalisa bunyi-bunyi ujaran konsonan initial sebagai dapatan utama. Sementara itu, bunyi-bunyi vokal, konsonan akhiran dan nada dianalisa sebagai dapatan sampingan.

Daripada transkripsi bunyi-bunyi ujaran ujian bacaan Bahagian A, penyelidik mendapati ujaran konsonan initial [p], [m], [f], [t], [t^h] [n], [l], [k], [k^h], [x], [tç], [tç^h], [ts], [ts^h], [s], [w] dan [j] subjek kajian tiada perbezaan dengan konsonan initial *Huayu* Standard. Penyelidik tidak memasukkan konsonan initial [m], [t], [t^h] [n], [l], [k], [k^h], [tç] serta konsonan separuh vokal [w] dan [j] ke dalam ujian bacaan Bahagian B.

Konsonan initial [tç^h] dimasukkan ke dalam Bahagian B kerana hanya 0.34% konsonan initial tersebut terkandung dalam Bahagian A. Bilangan ini adalah tidak memadai untuk mengenalpasti sama ada wujud variasi sebutan konsonan initial tersebut.

Selain itu, penyelidik memasukkan konsonan initial [f] dan [x] ke dalam Bahagian B. Ini adalah kerana menurut Lin dan Wang (1991), [f] diujar sebagai [x] di kalangan penutur dialek Hokkien. Oleh kerana dialek Hokkien adalah dialek utama kawasan kajian, maka penyelidik ingin menyiasat dengan lebih terperinci sama ada keadaan tersebut wujud di kawasan kajian.

Konsonan initial [p ts ts^h s] juga dimasukkan ke Bahagian B. Penyelidik ingin menyiasat sama ada wujud kekeliruan di antara konsonan initial tersebut dengan konsonan initial [p^h tʂ tʂ^hʂ] masing-masing. Menurut data-data yang dipungut dari ujian bacaan Bahagian A, konsonan initial [p^h tʂ tʂ^hʂ] masing-masing diujar sebagai [p ts ts^h s] dan bukan sebaliknya. Penyelidik cuba mencungkil sama ada keadaan yang sebaliknya berlaku dengan memasukkan lebih banyak suku kata yang berkonsoran initial [p^h tʂ tʂ^hʂ] dan [p ts ts^h s] dalam ujian yang selanjutnya.

Dalam Bahagian B, penyelidik hanya memasukkan 14 konsonan initial untuk dibaca oleh subjek kajian. Ujian bacaan Bahagian B diadakan pada 13 April 2001. Sebelum ujian ini bermula, subjek kajian diberi masa untuk membaca kandungan ujian tersebut. Setiap subjek mengambil masa lebih kurang 30 minit untuk membaca 500 suku kata yang terkandung dalam ujian Bahagian B. Penyelidik merakamkan bunyi-bunyi ujaran subjek kajian untuk dianalisa.

Temubual diadakan setelah subjek kajian menjalankan ujian bacaan Bahagian B. Sesi ini bertujuan untuk memperolehi pandangan subjek kajian tentang *Huayu* yang ditutur oleh mereka dan juga *Huayu* Standard. Selain itu, ia juga bertujuan untuk mencungkil faktor-faktor yang menyebabkan wujudnya variasi *Huayu* tempatan ini.

3.4 Analisa Data

Data-data yang dikumpul dari ujian bacaan ditranskripkan kepada simbol-simbol IPA. Bahagian A ujian bacaan mengandungi 1455 ujaran (utterances), Bahagian B pula mempunyai 2500 ujaran. Dalam kajian ini, *Huayu* Standard dijadikan asas untuk meneliti konsonan initial yang diujar oleh subjek-subjek kajian mengikut kategori-kategori berikut:-

(a) Plosif / Letupan

- (i) Dwi-bibir aspirasi tak bersuara [p^h]
Dwi-bibir bukan aspirasi tak bersuara [p]
- (ii) Alveolar aspirasi tak bersuara [t^h]
Alveolar bukan aspirasi tak bersuara [t]
- (iii) Velar aspirasi tak bersuara [k^h]
Velar bukan aspirasi tak bersuara [k]

(b) Frikatif / Geseran

- (i) Labio-dental tak bersuara [f]
- (ii) Alveolar tak bersuara [s]
- (iii) Retrofleks tak bersuara [ʂ]

(iv) Alveolo-palatal tak bersuara [ç]

(v) Velar tak bersuara [x]

(c) Afrikat / Dwi-geseran

(i) Alveolar aspirasi tak bersuara [ts^h]

Alveolar bukan aspirasi tak bersuara [ts]

(ii) Retrofleks aspirasi tak bersuara [$t\dot{sh}$]

Retrofleks bukan aspirasi tak bersuara [tş]

(iii) Alveolo-palatal aspirasi tak bersuara [$t\dot{ç}^h$]

Alveolo-palatal bukan aspirasi tak bersuara [tç]

(d) Nasal / Sengau

(i) Dwi-bibir bersuara [m]

(ii) Alveolar bersuara [n]

(e) Lateral / Sisian

Alveolar bersuara [l]

(f) Malaran tak bergeser

Retrofleks bersuara [ɻ]

(g) Separuh vokal

(i) Labio-velar bersuara [w]

(ii) Palatal bersuara [j]

(iii) Labio-palatal bersuara [ɥ]

Penyelidik cuba mencatatkan lambang-lambang bunyi variasi *Huayu* yang diperolehi dari rakaman ujian bacaan di bawah tiap-tiap kategori yang tercatat di atas. Lambang-lambang bunyi ditandakan dengan menggunakan simbol-simbol IPA. Simbol-simbol lain yang digunakan untuk rumusan fonetik termasuk:-

(a) → : bermakna menjadi

(b) / : bermakna dalam keadaan berikut

(c) #____ : bermakna wujud di belakang sesuatu konsonan atau vokal

(d) ____ #: bermakna wujud di hadapan sesuatu konsonan atau vokal

Analisa data-data penyelidik merangkumi bahagian-bahagian berikut:-

- (a) Ciri-ciri konsonan initial variasi *Huayu* yang dikaji dari segi penyuaraan, daerah artikulasi dan cara artikulasi.
- (b) Faktor-faktor kewujudan variasi *Huayu* yang dikaji secara am.
- (c) Variasi dalam konsonan akhiran dan nada sebagai dapatan sampingan.